



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI  
GURU PENDIDIKAN ISLAM  
DALAM BIDANG ADAB  
DAERAH KANOWIT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

ZAKI KHAN BIN MAT

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**AMALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI  
GURU PENDIDIKAN ISLAM  
DALAM BIDANG ADAB  
DAERAH KANOWIT**

**ZAKI KHAN BIN MAT**



**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



## LAMPIRAN B

UPSII/IPS-3/BO 32  
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

## PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada .....22.....(hari bulan).....JUN..... (bulan) 20.....25.....

## i. Perakuan pelajar :

Saya, ZAKI KHAN BIN MAT, M20232002740, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis SARJANA PENDIDIKAN yang AMALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI GURU PENDIDIKAN ISLAM bertajuk DALAM BIDANG ADAB DAERAH KANOWIT

\_\_\_\_\_ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

## ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. MIFTACHUL HUDA (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM BIDANG ADAB DAERAH KANOWIT (TAJUK)

dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

22 Jun 2025

Tarikh

**DR. MIFTACHUL HUDA**  
PENSYARAH  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
Tandatangan Penyelia



## DEDIKASI

Laporan projek ini yang bertajuk “Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Guru Pendidikan Islam Daerah Kanowit” ditujukan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai memenuhi syarat kelayakan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Pendidikan. Laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri berdasarkan pengalaman dan pengetahuan saya perolehi sepanjang pengajian. Saya juga memperoleh maklumat lain daripada sumber yang saya nyatakan.

Seterusnya, teristimewa buat ibu bapa tercinta, Mat bin Jeli dan Sitin binti Bujang. Pencapaian ke tahap ini berkat doa dan restu kalian berdua.

Buat rakan-rakan seperjuangan kelas M242PCS3 Kohort 1 khasnya serta pensyarah penyelia Dr Miftachul Huda, jutaan terima kasih atas segala bantuan dan tunjuk ajar. Semoga jasa kalian semua diberkati Allah SWT.





## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan rahmat, taufik dan inayah-Nya yang telah memungkinkan saya menyempurnakan penulisan laporan kertas projek ini dengan jayanya. Penulisan ini merupakan satu usaha ilmiah yang tidak mungkin tercapai tanpa sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak. Ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih dirakamkan kepada penyelia akademik, Dr. Miftachul Huda, yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam membimbing dan membentuk hala tuju kajian ini. Tunjuk ajar, panduan kritikal, dan galakan berterusan daripada beliau amat bermakna dalam memperkasa ketajaman analisis dan keserjanaan dalam penulisan ini. Bimbingan yang diberikan bukan sekadar bersifat akademik, malah turut menyuntik inspirasi untuk terus berkarya secara ilmiah.



Dedikasi penghargaan juga kepada rakan-rakan M242PCS3 Kohort 1 kerana sanggup berkorban masa, tenaga serta memberi kerjasama yang jitu semasa berkolaborasi semasa menjalankan projek ini. Saya dambakan juga terima kasih yang tidak terhingga kepada ibubapa dan ahli keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan moral, kewangan mahupun bantuan dari segi kelengkapan untuk menjalankan kerja kursus ini. Tidak lupa juga kepada para pensyarah yang tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian saya di sini. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada warga pendidikan Pendidikan Islam daerah Kanowit atas kerjasama yang jitu ketika saya menjalankan kajian ini.

Menutup bicara, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, yang telah menyumbang kepada kejayaan penyelidikan ini. Doa dipanjatkan agar segala usaha yang telah dicurahkan mendapat keberkatan daripada Allah SWT serta menjadi amal jariah yang berterusan manfaatnya di dunia dan akhirat. Amin Ya Rabbal 'Alamin.





## ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bagi meneliti tahap pengetahuan dan pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan guru Pendidikan Islam yang mengajar Bidang Adab di Daerah Kanowit, Sarawak, dengan objektif utama untuk memahami sejauh mana elemen pemikiran aras tinggi diterapkan secara sistematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan, seramai 80 orang guru telah terlibat sebagai responden dengan instrumen soal selidik yang dibangunkan secara sah dan reliabel (nilai  $\alpha = 0.90$ ). Analisis data dijalankan menerusi perisian SPSS versi 30.0 yang melibatkan statistik deskriptif dan inferensi (Ujian Korelasi Pearson). Dapatan menunjukkan kedua-dua tahap pengetahuan dan pelaksanaan KBAT berada pada aras yang sangat tinggi, sekali gus mencerminkan kesediaan dan kompetensi profesional guru dalam mengintegrasikan elemen KBAT ke dalam Bidang Adab secara bermakna. Hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan dan pelaksanaan turut mengesahkan bahawa penguasaan konsep KBAT merupakan pemangkin utama kepada keberkesanan pelaksanaannya dalam bilik darjah. Implikasi kajian ini memberikan pedoman strategik kepada guru, pentadbir sekolah dan pembuat dasar agar lebih menumpukan usaha terhadap pembangunan kapasiti guru secara berterusan, khususnya dalam memantapkan pedagogi KBAT dalam konteks pendidikan Islam. Penerapan KBAT dalam Bidang Adab bukan sahaja merangsang pemikiran kritis dalam kalangan murid, tetapi turut memperkukuh pembentukan akhlak mulia yang menjadi teras kepada pembinaan sahsiah unggul generasi masa depan.

*Kata kunci : Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Pengetahuan , Pelaksanaan guru Pendidikan Islam, Bidang Adab.*





## THE PRACTICE OF HIGHER ORDER THINKING SKILLS AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN KANOWIT DISTRICT

### ABSTRACT

This study was conducted to examine the level of knowledge and implementation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) among Islamic Education teachers teaching the Adab component in the Kanowit District, Sarawak. The primary objective was to explore the extent to which HOTS elements are systematically embedded in the teaching and learning process. Adopting a quantitative survey design, the study involved 80 teachers selected as respondents using a validated and reliable questionnaire instrument (Cronbach's Alpha = 0.90). Data were analysed using SPSS version 30.0 involving both descriptive statistics and inferential analysis through Pearson Correlation. The findings revealed that both the level of knowledge and the level of HOTS implementation among the teachers were exceptionally high, indicating a strong readiness and professional competence in integrating HOTS into the Adab curriculum in a meaningful manner. The presence of a strong and significant positive correlation between knowledge and implementation confirms that mastery of HOTS concepts is a critical enabler for effective classroom practice. The implications of this study offer strategic guidance for teachers, school administrators, and policymakers to prioritise continuous capacity building efforts, particularly in strengthening HOTS-based pedagogy within the Islamic Education framework. The integration of HOTS in the teaching of Adab not only fosters critical thinking among students but also reinforces the development of noble character, which is central to shaping the holistic moral and spiritual identity of future generations.

*Keywords: Higher Order Thinking Skills (HOTS), Knowledge, Islamic Education Teachers' Implementation, Adab Component.*





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>Halaman Judul</b>	ii
<b>Perakuan Keaslian Penulisan</b>	iii
<b>Dedikasi</b>	iv
<b>Penghargaan</b>	v
<b>Abstrak</b>	vi
<b>Abstract</b>	vii
<b>Kandungan</b>	viii
<b>Senarai Jadual</b>	xii
<b>Senarai Rajah</b>	xiv
<b>Senarai Singkatan</b>	xv
<b>Senarai Lampiran</b>	xvi

<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Latar Belakang Kajian	5
	1.3.1 Objektif Kajian	5
	1.3.2 Soalan Kajian	6
	1.3.3 Hipotesis Kajian	6
	1.4 Skop dan Batasan Kajian	7
	1.4.1 Skop Kajian	7
	1.4.2 Batasan Kajian	7
	1.5 Kepentingan Kajian	8



1.6	Definisi Operasional	9
1.6.1	Tahap Pelaksanaan	9
1.6.2	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	9
1.6.3	Guru Pendidikan Islam	10
1.6.4	Bidang Adab	12
1.7	Rumusan	13

## **BAB 2**      **TINJAUAN LITERATUR**      15

2.1	Pengenalan Konteks Kajian	15
2.2	Konsep-Konsep Asas Kajian	18
2.2.1	Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	18
2.2.2	Konsep Guru Pendidikan Islam	21
2.2.3	Konsep Pengajaran Bidang Adab	23
2.3	Teori dan Model Kajian	26
2.3.1	Teori Kajian	26
2.3.2	Model Kajian	34
2.4	Dapatan Kajian Lalu	39
2.5	Kerangka Konseptual	41
2.6	Rumusan	43

## **BAB 3**      **METODOLOGI KAJIAN**      46

3.1	Pengenalan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Persampelan	49
3.4	Instrumen Kajian	51
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	55
3.6	Kajian Rintis	58
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	61
3.8	Prosedur Penganalisan Data	63
3.8.1	Analisis Deskriptif	65
3.8.2	Analisis Inferensi	68

	3.8.3 Analisis Kolerasi	72
	3.9 Rumusan	75
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	77
4.1	Pengenalan	77
4.2	Maklumat Demografi Responden	78
4.2.1	Jantina	79
4.2.2	Umur	80
4.2.3	Kekerapan penglibatan kursus kbat (dalam daerah) sepanjang perkhidmatan	81
4.2.4	Kekerapan penglibatan kursus kbat (luar daerah) sepanjang perkhidmatan	83
4.3	Analisis Deskriptif	85
4.3.1	Tahap pengetahuan KBAT dalam kalangan Guru Pendidikan Islam dalam bidang adab	85
4.3.2	Tahap pelaksanaan KBAT dalam kalangan Guru Pendidikan Islam dalam bidang adab	90
4.4	Analisis Inferensi	96
4.4.1	Hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam bidang adab	97
4.5	Rumusan	100
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	102
5.1	Pengenalan	102
5.2	Ringkasan Kajian	104
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	107
5.3.1	Tahap pengetahuan KBAT dalam kalangan Guru Pendidikan Islam dalam bidang adab	107
5.3.2	Tahap pelaksanaan KBAT dalam kalangan Guru Pendidikan Islam dalam bidang adab	110
5.3.3	Hubungan antara tahap pengetahuan dengan	113

Tahap pelaksanaan KBAT dalam kalangan  
Guru Pendidikan Islam dalam bidang adab

5.4	Implikasi	115
5.4.1	Implikasi kepada murid	115
5.4.2	Implikasi kepada guru	116
5.4.3	Implikasi kepada sekolah	117
5.4.4	Implikasi kepada PPD (Unit Pendidikan Islam)	118
5.4.5	Implikasi kepada JPN	119
5.4.6	Implikasi kepada KPM	120
5.5	Cadangan	120
5.6	Penutup	123

<b>RUJUKAN</b>	126
----------------	-----

**LAMPIRAN A** : Borang Soal Selidik

**LAMPIRAN B** : Borang Kesahan Pakar berkaitan Soal Selidik

## SENARAI JADUAL

<b>JADUAL</b>		<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Peringkat Kemampuan Kognitif Piaget	20
2.2	Huraian Perbandingan Aras Pemikiran dalam Hierarki Taksonomi Bloom Asal (1956) dan Taksonomi Bloom Revisi Anderson & Krathwohl (2001)	28
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970)	42
3.2	Skala soal selidik Bahagian B	46
3.3	Skala soal selidik Bahagian C	46
3.4	Item sebelum dan selepas diubah	48
3.5	Item sebelum dan selepas diubah	51
3.6	Nilai Pekali <i>Alpha Cronbach</i> Kajian Rintis	52
3.7	Interpretasi Skala Min	58
3.8	Bacaan statistik Shapiro Wilk bagi ujian kenormalan data	61
3.9	Interpretasi kekuatan bagi nilai r	66
4.1	Struktur Jantina Kajian	71
4.2	Umur Responden	73
4.3	Penglibatan kursus kbat (dalam daerah) sepanjang perkhidmatan	74
4.4	Penglibatan kursus kbat (luar daerah) sepanjang perkhidmatan	76
4.5	Analisis deskriptif item tahap pengetahuan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam	78

	bidang adab	
4.6	Analisis deskriptif item tahap pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam bidang adab	84
4.7	Hubungan tahap pengetahuan dan pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam bidang adab	91
4.8	Ringkasan analisis dan dapatan inferensi	92

## SENARAI RAJAH

RAJAH		MUKA SURAT
2.1	Hierarki aras pemikiran Taksonomi Bloom oleh Anderson dan Krathwohl (2001)	27
2.2	Kerangka konseptual kajian	35
3.1	Taburan data pengetahuan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam bidang adab	62
3.2	Taburan data pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam bidang adab	63
4.1	Taburan peratus dan kekerapan jantina responden	72
4.2	Taburan peratus dan kekerapan umur responden	73
4.3	Taburan peratus dan kekerapan penglibatan kursus KBAT (dalam daerah) sepanjang perkhidmatan	75
4.4	Taburan peratus dan kekerapan penglibatan kursus KBAT (luar daerah) sepanjang perkhidmatan	76
4.5	Rumusan analisis tahap pengetahuan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam bidang adab	82
4.6	Rumusan analisis tahap pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam bidang adab	88



## SENARAI SINGKATAN

BPPDP	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
EMIS	-	<i>Education Management Information System</i>
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBKK	-	Kemahiran Berfikir Kritis Kreatif
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	-	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PI	-	Pendidikan Islam
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SPI	-	Sektor Pendidikan Islam
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris





## SENARAI LAMPIRAN

### LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Borang Kesahan Pakar berkaitan Soal Selidik
- C Surat Pengesahan Pelajar untuk Membuat Penyelidikan





## BAB 1

### PENGENALAN

Bahagian ini akan membincangkan pengenalan kajian merangkumi pendahuluan, pernyataan masalah, tujuan kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian dan juga definisi operasional bagi kajian yang dijalankan.

#### 1.1 PENDAHULUAN

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah kemahiran yang memerlukan mengorganisasikan pemikiran berdasarkan keupayaan untuk menghuraikan, menterjemahkan, mencipta, merefleksikan dan menghubungkan dengan situasi semasa. Penekanan KBAT dalam sistem pendidikan negara adalah lanjutan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang telah dilaksanakan bermula 1993. Proses pelaksanaan KBAT di Malaysia adalah bersumberkan Taksonomi Bloom yang telah diubahsuai oleh Lorin Anderson (2001) menerusi empat hierarki teratas iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan



mencipta. Transformasi kurikulum pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) memberi penekanan utama terhadap konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berupaya melahirkan generasi mempunyai keupayaan dalam pemikiran aras tinggi. Pendekatan ini diperkenalkan untuk mencapai matlamat utama pendidikan iaitu menghasilkan lebih banyak murid yang mempunyai keupayaan kognitif aras tinggi melalui pedagogi secara pembelajaran aktif di dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun, matlamat masih belum tercapai sepenuhnya maka pelbagai pendekatan telah diperkenalkan untuk menghasilkan modal insan yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21 agar negara mampu bersaing di persada dunia.

Menurut (Amabile et al, 2015). “Jika inginkan murid yang berpotensi untuk berfikir dan mampu menyelesaikan masalah kita perlu mula menyediakan tugas-tugas yang kompleks serta berkognitif tinggi”. Maka pengertian ini bertepatan dengan penekanan yang diberikan oleh Islam iaitu keupayaan akal merupakan elemen utama dalam pembentukan murid yang bersifat holistik iaitu keseimbangan di antara kecemerlangan akademik dan juga kemantapan sahsiah. Islam menekankan penggunaan akal yang optimum sejak beratus tahun dahulu sebelum barat memperkenalkan, namun ianya tidak digarap dan ditransformasikan sehingga memperlihatkan bahawa ilmuan barat yang meneroka pemikiran aras tinggi ini.

Maka proses transformasi Pendidikan Islam telah dirangka berdasarkan pelaksanaan pengajaran guru di sekolah melalui pengubahsuaian melibatkan komponen

keupayaan kurikulum, pembentukan budaya sekolah, penambahbaikan pengetahuan guru dan tahap kemampuan murid mengaplikasi setiap isi kandungan pembelajaran yang diperolehi agar matlamat pengenalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berorientasikan KBAT dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya membentuk penghayatan akhlak yang mantap dalam kalangan murid (Noor Hisham, 2011 ; Zuraidah, 2016). Hal ini sangat menuntut para guru untuk menerapkan KBAT dalam PdPc bagi memastikan pengajaran Pendidikan Islam mampu merangsang pemikiran murid dan memberi kesan positif terhadap amalan murid-murid melalui pengamatan bidang Adab dalam kurikulum Pendidikan Islam.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Antara masalah yang menjadi tunjang pelaksanaan kajian ini adalah apabila KBAT dilihat telah lama dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara akan tetapi tahap pengetahuan KBAT guru Pendidikan Islam dilihat masih pada tahap yang sederhana. Hal ini selari dengan kajian oleh (Syed Ismail Syed Mustapha (2015) yang mendapati kebanyakan guru masih mempunyai persepsi yang sederhana terhadap pelaksanaan KBAT dalam PdPc. Natiujahnya, pelaksanaan KBAT secara efektif tidak dapat dilakukan kerana guru tidak bersedia secukupnya dengan pengetahuan serta kemahiran dalam penerapan KBAT. Pengetahuan serta kemahiran dalam KBAT perlu diberi penekanan kepada guru kerana mereka merupakan generasi bakal menerajui sistem pendidikan negara seperti pernyataan oleh Saipolbarin (2017) Kemahiran KBAT dalam



kalangan guru perlu dilihat secara serius dalam usaha menyediakan pendidik yang kompeten.

Selain itu, isu berkaitan guru didapati tidak melaksanakan penerapan KBAT semasa PdPc secara konsisten. Isu ini dijelaskan oleh kajian (Zarina Abdul Rashid, 2016) yang mendapati penerapan KBAT dilakukan secara tidak konsisten kerana guru tidak mempunyai pengetahuan serta tidak melakukan perancangan yang teliti untuk mengaplikasikan KBAT dalam PdPc. Kesannya, guru kurang memfokuskan penerapan KBAT dalam pedagogi mereka. Disamping itu, kekurangan modul dan bahan bantu belajar sebagai panduan bagi guru-guru yang tidak berpeluang mengikuti kursus atau bengkel juga dilihat merencatkan usaha penerapan KBAT dalam PdPc (Mohd Nazri Hassan, Rosnidar Mansor, 2017; James Ang Jit Eng, 2017).

Seterusnya, isu berkaitan sesi pengajaran guru-guru dalam bidang Adab dilihat kurang menerapkan KBAT. Hal ini dirumuskan dalam kajian (Maimun Aqsyia, 2016) iaitu Pengajaran guru Pendidikan Islam dalam bidang Adab dilihat kurang menggarapkan aktiviti berkonsepkan KBAT mengakibatkan kandungan pelajaran tidak memberi kesan mendalam kepada murid. Oleh itu, permasalahan-permasalahan ini yang menjadi pendorong kepada pengkaji untuk melaksanakan sebuah kajian khususnya untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan guru Pendidikan Islam khususnya dalam bidang adab.





### 1.3 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dibuat untuk meninjau tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan guru Pendidikan Islam khususnya dalam PdPc bidang adab. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam PdPc bidang adab.

Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran terhadap penguasaan guru tentang penerapan KBAT khususnya dalam PdPc bidang adab. Hal ini sangat penting bagi persediaan guru ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Pelaksanaan KBAT dalam PdPc bidang adab sangat penting kepada guru dalam usaha mendapatkan kesan yang positif terhadap amalan murid-murid dalam kehidupan seharian.

#### 1.3.1 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mengetahui tahap pengetahuan KBAT guru Pendidikan Islam dalam bidang adab.
- ii. Mengetahui tahap pelaksanaan KBAT guru Pendidikan Islam dalam bidang adab.
- iii. Mengetahui hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap pelaksanaan KBAT guru Pendidikan Islam dalam bidang adab.





### 1.3.2 SOALAN KAJIAN

Daripada kajian yang dijalankan, dapatan kajian akan dapat menjawab persoalan kajian yang meliputi tahap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) guru dalam bidang adab. Kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Sejauh manakah tahap pengetahuan KBAT guru Pendidikan Islam dalam bidang adab?
- ii. Sejauh manakah tahap pelaksanaan KBAT guru Pendidikan Islam dalam bidang adab?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap pelaksanaan KBAT guru Pendidikan Islam dalam bidang adab?

### 1.3.3 HIPOTESIS KAJIAN

Bagi persoalan kajian (1) dan (2) akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan skor min dan sisihan piawai manakala bagi persoalan (3) akan dianalisis menggunakan analisis inferensi. Berikut adalah hipotesis alternatif kajian:

Ha1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pengetahuan dengan tahap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi guru Pendidikan Islam dalam bidang adab.





## 1.4 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

### 1.4.1 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah skop maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Pemberi maklumat mengenai pengetahuan dan pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam bidang adab ialah guru Pendidikan Islam di bawah Istitusi Kementerian Pendidikan Malaysia di daerah Kanowit. Skop kajian diperoleh dengan menjawab soal selidik mengenai latar belakang yang merangkumi jantina, umur dan kekerapan penglibatan kursus Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Selain itu, soal selidik juga mengenal pasti tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam bidang Adab.

### 1.4.2 BATASAN KAJIAN

Batasan Kajian yang dinyatakan ini telah membatasi proses generalisasi hasil kajian kepada semua keadaan, masa, tempat dan responden. Antara batasan tersebut ialah:

- i. Kumpulan sasaran kajian terdiri daripada 100 orang guru Pendidikan Islam daripada seluruh daerah Kanowit. Mereka akan menyatakan tentang latar belakang dan pengetahuan serta pelaksanaan KBAT mereka dalam bidang Adab.



- ii. Tumpuan hanya diberikan terhadap tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan KBAT guru Pendidikan Islam dalam bidang adab serta hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap pelaksanaan guru Pendidikan Islam dalam bidang Adab.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Antara kepentingan kajian ini adalah:

- i. Dalam konteks guru, hasil kajian ini akan memberi implikasi penting kepada guru kerana ia dapat melihat sejauh mana tahap pengetahuan guru serta tahap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi mereka dalam bidang adab.
- ii. Dapatan kajian juga dapat memberi panduan serta rujukan kepada guru untuk mempersiapkan diri dengan kemahiran-kemahiran pedagogi khususnya dalam penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi sebelum mereka melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc)
- iii. Kajian ini memberi maklum balas kepada pihak Sektor Pendidikan Islam (SPI), JPN untuk mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil bagi menambah baik serta meningkatkan pengetahuan berunsurkan KBAT, pedagogi dan pentaksiran yang dapat digunakan oleh guru-guru semasa proses PdPc bidang adab.



- iv. Kementerian Pendidikan Malaysia dapat mengambil tindakan dalam merancang program-program latihan perkembangan profesionalisme dengan sebaik mungkin agar mampu melahirkan guru-guru yang mempunyai kefahaman dan kemahiran dalam memilih kaedah-kaedah pengajaran yang merangsang kemahiran berfikir murid dan bersesuaian dengan topik yang diajar demi merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

## 1.6 DEFINISI OPERASIONAL



### 1.6.1 TAHAP PELAKSANAAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pelaksanaan didefinisikan sebagai perihal, perbuatan atau menjalankan sesuatu. Dalam kajian ini, tahap pelaksanaan merujuk kepada aras pelaksanaan oleh guru Pendidikan Islam terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

### 1.6.2 KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta





sesuatu. Berdasarkan hierarki Taksonomi Bloom (1956) yang disemak oleh Anderson and Krathwohl (2001), definisi KBAT Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada peringkat mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam PdPc dapat dilihat melalui pendekatan PdPc melalui teknik yang hendak disampaikan oleh seseorang guru. Ianya haruslah diperhaluskan dengan perancangan aktiviti yang sesuai mengikut objektif yang ingin difokuskan pada setiap kemahiran yang dipilih berdasarkan kepada kandungan kurikulum yang sedia hendak dilaksanakan. Guru Pendidikan Islam haruslah menggarap pelbagai ilmu pedagogi bagi menjayakan penyampaian mengikut situasi dan kemampuan kelas yang hendak diajar oleh guru. Tiga elemen utama iaitu kurikulum, pentaksiran dan pedagogi. Semua elemen ini bertujuan untuk membudayakan KBAT dalam kalangan guru dan murid (Elemen KBAT dalam Pedagogi, 2014). Melalui transformasi dalam sistem pendidikan ini, penekanan kepada amalan KBAT merangkumi semua bidang ilmu yang diajar di sekolah-sekolah Malaysia, termasuklah Pendidikan Islam.

### 1.6.3 GURU PENDIDIKAN ISLAM

Guru Pendidikan Islam merupakan individu profesional yang memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian murid berlandaskan ajaran Islam melalui proses pendidikan yang sistematik, terancang dan berkesan. Mereka bertanggungjawab mengajar subjek PI yang merangkumi aspek akidah, ibadah, akhlak, al-Quran, sirah dan





nilai-nilai murni sebagaimana yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peranan mereka bukan sahaja tertumpu kepada penyampaian ilmu pengetahuan, tetapi turut merangkumi tanggungjawab dalam membentuk sahsiah, keimanan dan amalan hidup berteraskan ajaran Islam dalam kalangan murid. Menurut Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (2022), guru Pendidikan Islam juga berfungsi sebagai ejen pengukuhan budaya Islam di sekolah, menjadi contoh kepada murid dari sudut amalan, akhlak dan perwatakan harian.

Dalam konteks kajian ini, Guru Pendidikan Islam ditakrifkan secara operasional sebagai guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam secara rasmi di sekolah rendah atau menengah kerajaan atau bantuan kerajaan di bawah kelolaan KPM, memiliki kelayakan akademik dalam bidang Pendidikan Islam atau bidang berkaitan, serta telah mengikuti latihan perguruan yang diiktiraf oleh KPM. Selain itu, guru ini juga direkodkan secara rasmi dalam sistem e-Operasi atau EMIS, dan bertugas secara sepenuh masa sebagai pengajar subjek Pendidikan Islam. Mengikut piawaian KPM, guru Pendidikan Islam di sekolah menengah diwajibkan mengajar antara 18 hingga 22 waktu seminggu, manakala di sekolah rendah pula antara 23 hingga 27 waktu seminggu, bergantung kepada keperluan kurikulum dan struktur jadual waktu sekolah masing-masing (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Jumlah waktu mengajar ini tidak termasuk tanggungjawab kokurikulum, pengurusan hal ehwal murid, mahupun tugas khas yang lain. Oleh itu, Guru Pendidikan Islam bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai ilmu, tetapi turut memainkan peranan sebagai pembimbing, pemudah cara





pembelajaran dan model insan rabbani yang menjadi sumber rujukan nilai dalam kehidupan seharian murid.

#### 1.6.4 BIDANG ADAB

Dalam subjek Pendidikan Islam, Bidang Adab merujuk kepada komponen utama yang menekankan pembentukan akhlak mulia dan nilai-nilai murni berlandaskan ajaran Islam. Bidang ini meliputi pengajaran dan pembelajaran mengenai tingkah laku beradab yang melibatkan hubungan manusia dengan Allah (hablu min Allah), hubungan sesama manusia (hablu min an-nas), serta tanggungjawab terhadap alam sekitar. Melalui bidang adab, murid di didik untuk mengamalkan sikap hormat, sopan santun, kejujuran, kesederhanaan, dan sifat-sifat mulia yang lain yang mampu membentuk keperibadian yang seimbang dan harmoni dalam kehidupan seharian. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2023), pembelajaran bidang adab dalam Pendidikan Islam adalah elemen penting yang membantu melahirkan insan yang bukan sahaja cemerlang dari segi ilmu pengetahuan, tetapi juga unggul dalam aspek sahsiah dan rohani. Ia bertujuan untuk membina generasi yang beriman, bertakwa serta memiliki integriti moral yang tinggi. Selain itu, pengajaran bidang adab menekankan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai tersebut secara konsisten, bukan sekadar teori semata-mata. Justeru, bidang adab berperanan sebagai asas utama dalam memupuk budaya positif dan memperkukuh pembentukan sahsiah murid sejajar dengan matlamat kurikulum Pendidikan Islam yang komprehensif (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2022; Nasaruddin Umar, 2024).





## 1.7 RUMUSAN

Pendidikan Islam memegang peranan penting dalam pembentukan sahsiah murid yang berlandaskan nilai-nilai Islam dan akhlak mulia, selaras dengan prinsip dan ajaran Islam yang komprehensif (Nasaruddin Umar, 2024). Untuk memastikan matlamat ini tercapai, pendekatan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) perlu diterapkan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) bagi menggalakkan murid bukan sahaja menghafal, tetapi memahami, menganalisis dan mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam konteks kehidupan sebenar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Menurut Abdullah et al. (2022), penggunaan KBAT dalam Pendidikan Islam dapat memperkukuh daya pemikiran kritis dan kreatif murid sekaligus meningkatkan keupayaan mereka dalam menyelesaikan masalah moral dan sosial secara berkesan. Di samping itu, guru perlu mengadaptasi sikap kreatif dan inovatif dalam pengajaran, khususnya dalam menghadapi kemajuan teknologi yang pesat dan cabaran pembelajaran abad ke-21 (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2022). Pemanfaatan teknologi digital dalam PdPc membolehkan guru merancang dan melaksanakan strategi pengajaran yang lebih interaktif dan menarik, sekaligus meningkatkan motivasi dan minat murid terhadap subjek Pendidikan Islam (Rahman & Latif, 2023). Kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana guru Pendidikan Islam dapat mengintegrasikan KBAT dan teknologi secara berkesan bagi memupuk pemikiran kritis serta kreativiti murid sekaligus melahirkan generasi yang berdaya cipta dan cemerlang dalam pelbagai aspek kehidupan. Oleh itu, penerapan pendekatan





holistik ini adalah sangat penting dalam mempersiapkan murid bukan sahaja dari segi akademik, tetapi juga dari segi sahsiah dan spiritual agar mereka menjadi insan seimbang dan berintegriti tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023).

